

Di Malaysia, sokongan
Perdana Menteri amat besar
maknanya. Malik sedar hakikat
ini. Semangat "Malaysia
Boleh" yang ditiupkan oleh
Datuk Seri Dr. Mahathir
Mohamadlah yang
membolehkan pendaki
Mohandas dan Magendran
menawan puncak Everest dan
Datuk Azhar Mansur berlayar
secara solo mengelilingi dunia.
Malik tahu semua ini

MASSA 9.8.2002



ABDUL MALIK MYDIN

Raja Baru Selat Inggeris

Oleh MUHD. ZUKI PILEH

SEJAK kecil lagi anak kelahiran Kampung Gajah, Butterworth, Pulau Pinang ini gemar berenang di laut. "Dia pernah memberitahu saya bahawa 'budak kampung ini suatu hari nanti akan berenang gaya kampung di laut'. Saya tidak terkejut dia menogotakan janjinya," kata ibunya Jorabi Seeni Mohamed, 63, mengingati zaman kanak-kanak Abdul Malik Mydin, perenang maraton negara yang baru-baru ini berjaya menawan Selat Inggeris. Menurut Jorabi, anak keempat daripada enam anaknya itu tidak gentar menyahut cabaran dan tidak mudah berputus asa. "Ketika dia berumur 14 tahun, ada orang cabar dia berenang separuh Selat Utara yang memisahkan bahagian pulau dan Seberang Perai. Dia terima cabaran itu. Bila saya marah, Malik kata dia hanya mahu membuktikan kepada kawan-kawannya."

Malik tidak menerima latihan renang secara formal tetapi sejak kecil dia sering ke pantai kerana rumahnya dekat dengan laut. Namun tarikh 21 Ogos 1999 amat diingatinya kerana pada hari itulah dia berjaya merentasi Selat Pulau Pinang sejauh 7.8 kilometer dari Padang Kota Lama ke Terminal Kontena Utara, Butterworth. Setelah lima kali disengat obor-obor, kesakitan mula melemahkan semangatnya. Fikirannya berbelah bagi. Tetapi alang-alang berada di tengah lautan, Malik tidak rela berpatah balik. Akhirnya dia disengat 20 kali oleh obor-obor. Dari situlah hasrat pemuda berusia 28 tahun ini untuk menyeberangi Selat Inggeris – iaitu acara renang maraton paling berprestij di dunia – membara. Sejak tahun 1875, lebih 8,000 perenang telah mencuba melakukan renang di selat berkenaan. Hanya 800 orang yang berjaya menempa nama.

Dari segi fizikal, Malik yang berketegangan 172 sm dan berat 78 kg jauh lebih kerdil berbanding kebanyakan perenang sebelumnya. Sebab itulah ada yang tidak menaruh keyakinan terhadapnya. Ada juga yang menganggapnya sebagai satu *stunt* atau gimik.

Cabaran Selat Inggeris 2003 adalah kesempatan terbaik buat bekas pelumba basikal kebangsaan ini untuk mengubat rasa kecewa kerana gagal menyumbang bakti kepada negara dalam Sukan Komanwel ke-16 di Kuala Lumpur pada 1998 walaupun dia merupakan bekas pemenang pingat emas acara lumba basikal Sukan Malaysia (Sukma) pada 1994 dan 1996. Malik digugurkan daripada skuad lumba basikal Projek Jaya '98 kerana masalah prestasi.

Bagaimanapun, sejarah bukanlah sesuatu yang mudah untuk dicipta. Wang adalah hambatan pertama lelaki bujang ini, memaksanya berlatih sendirian. Pada tahun 2000, dia berjumpa dengan kenalannya, Dr. H. S. Libenberg dari Afrika Selatan.

Libenberg menyatakan kesanggupan membantunya dengan menjadi jurulatih untuk aspek kesihatan fizikal bagi memantapkan daya tahannya. Tetapi Libenberg sendiri bukanlah pakar renang.

Dan sekali lagi wang menjadi penghalang. Khidmat Libenberg hanya setakat Ogos 2000 kerana Malik bermasalah membayar elaunnya.

Bagi Malik, itulah tempoh paling sukar dalam hidupnya. Dia tidak mempunyai pekerjaan tetap hatta untuk menampung keperluan dirinya. "Bukan saja tidak bayar elau Libenberg malah kadang-kadang dia yang hulurkan duit kepada saya. Walaupun mengalami kesempitan hidup, keinginan saya ke Selat Inggeris tidak pernah padam. Saya terpaksa berlatih sendiri-an," katanya.

Namun ketabahan dan kesungguhan sering membuahkan hasil. Dengan pengalaman berenang di Pulau Pinang pada tahun 1999, Malik dipilih untuk berenang sejauh 11 kilometer sambil membawa obor Sukan SEA Ke-21 dari Jeti Bukit Tambun ke Pulau Aman, Pulau Pinang. Dia melakukan misi itu dengan jayanya dalam masa 4 jam, 6 minit. Kejayaannya mendapat liputan meluas.

Di Malaysia, sokongan Perdana Menteri amat besar maknanya. Malik sedar hakikat ini. Semangat "Malaysia Boleh" yang ditiupkan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang membolehkan pendaki Mohandas dan Magendran menawan puncak Everest dan Datuk Azhar Mansur berlayar secara solo mengelilingi dunia.

Malik tahu semua ini. Masalahnya, bagaimana untuk mendekati Perdana Menteri?

Menurut Malik, dia beberapa kali mencuri peluang berjumpa Dr. Mahathir walaupun tanpa temu janji semata-mata untuk meraih keyakinan dan sokongan. Hampir tiga tahun Malik berusaha meyakinkan idolanya itu – daripada berjumpa seketika di majlis-majlis rasmi yang dihadiri oleh Dr. Mahathir hinggalah menemui Perdana Menteri beberapa kali di Masjid Putrajaya sejurus selesai solat Jumaat. Pernah sekali beliau sengaja duduk di sebelah Perdana Menteri ketika solat Jumaat di masjid itu.

"Dia jumpa saya banyak kali sejak beberapa tahun lalu... tidak cukup jumpa di pejabat, beliau juga kerap menahan saya di Masjid Putrajaya selepas saya selesai sembahyang Jumaat," kata Dr. Mahathir sebaik saja Malik berjaya merentasi Selat Langkawi, Mei lalu.

Kemunculan Yayasan Albukhary sebagai penaja rasmi di samping penaja lain seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada penghujung 2001 begitu melegakan Malik. Dia segera membalas kepercayaan yang diberikan dengan membuktikan kemampuannya berenang pergi balik dari Bagan Ajam, Butterworth ke Padang Kota sejauh 12 kilometer. Malik juga diberi ke-

benaran oleh Majlis Sukan Negara (MSN) menggunakan kemudahan latihan di Pusat Akuatik Nasional, Bukit Jalil.

Bahkan dia berpeluang ke luar negara untuk mendapatkan bantuan daripada jurulatih profesional. Dia ke London pada 1 hingga 15 Mei 2002 untuk berlatih di bawah tunjuk ajar Alison Streeter yang sudah 42 kali merentasi Selat Inggeris. Alison hanya dikenali oleh Malik menerusi Internet sebelum berbalas e-mel dengan Ratu Selat Inggeris itu.

Pada 4 Ogos 2002, Malik menyertai pertandingan merentasi Tasik Zurich di Switzerland sejauh 26.4 kilometer dengan masa 11 jam, 22 minit, 22 saat. Ketika itulah beliau melepasi syarat untuk renangan Selat Inggeris iaitu berenang tanpa henti di laut terbuka selama lima jam.

Pada 25 Mei lepas, Malik menamatkan cabaran membelah Selat Langkawi sejauh 48 kilometer bermula dari Kuala Perlis dalam masa 14 jam 3 minit 13 saat mengatasi jangkaan sebelum ini iaitu 19 hingga 20 jam. Kejayaan itu sekali gus mencatat rekod dalam *Malaysia Book of Records*.

Dan pada 3 Ogos lalu, Malik membuktikan dia adalah raja segala selat. Cabaran Malik bermula di Pantai Shakespeare di Dover dan mengharungi selat sejauh 32.8 kilometer itu menuju ke pantai Cap Gris Nez di Calais, Perancis. Berenang di lautan bergelora begitu melelahkan. Ketika itu air sedang pasang besar dengan suhu 16 hingga 18 darjah selsius serta ombak di antara 1.5 hingga 2 meter. Selepas cubaannya ke pantai Cap Gris-Nez gagal, dia mengubah haluan untuk mendarat ke pantai Le Petit Blanc yang terletak kira-kira tiga kilometer dari Cap Gris-Nez.

"Di situ juga saya tidak mampu untuk tiba ke pantai. Arus menolak saya terlalu kuat... saya hampir-hampir putus asa ketika itu. Kami mencari lokasi ketiga. Saya diarah ke pantai Wissant, kira-kira dua kilometer jaraknya dari Le Petit Blanc dekat Calais. Jika saya gagal juga kali ini, saya sudah tidak sanggup lagi, saya putus asa. Stamina saya sudah habis. Bagaimanapun, akhirnya cubaan saya berjaya."

Akibat tiga cubaan mendarat yang dilakukan itu, jarak renangannya tersasar sejauh 58 kilometer dari laluan yang sepatutnya cuma 32.8 kilometer. Masa rasmi yang dicatatkannya ialah 17 jam 35 minit.

Malik Mydin di Selat Inggeris membuktikan bahawa ketabahan ialah kunci kejayaan manusia. Dan beliau mahu rakyat Malaysia yang lain mencontohnya. □